

PLUS SIAP SEDIA HADAPI PENINGKATAN TRAFIK SEHINGGA 2.3 JUTA SEMPENA AIDILFITRI

Perkukuh Kerjasama Strategik Pengurusan Trafik Bersama LLM, PDRM & JPJ

Petaling Jaya, 12 Mac 2026:- PLUS Malaysia Berhad (PLUS) menjangkakan peningkatan trafik sehingga 2.3 juta kenderaan sehari pada Hari-hari Puncak iaitu 18, 19, 20, 27, 28 dan 29 Mac, sempena musim perayaan Hari Raya Aidilfitri tahun ini. Angka tersebut mencatatkan peningkatan sebanyak 21 peratus berbanding purata trafik harian biasa. Trend ini selari dengan peningkatan trafik yang dicatatkan semasa perayaan Tahun Baharu Cina yang lalu, di mana jumlah kenderaan waktu puncak sehari melebihi dua juta.

Menurut Pengarah Urusan PLUS, Datuk Nik Airina Nik Jaffar, "PLUS mengambil tiga pendekatan utama sebagai persediaan menghadapi peningkatan trafik di lebuhraya kendaliannya sempena perayaan Hari Raya Aidilfitri ini iaitu pengurusan trafik dan insiden yang lebih efisien, pengagihan trafik yang lebih optimum dan keselesaan pengguna bagi memastikan pengalaman perjalanan yang lebih selamat dan selesa".

Beliau berkata demikian semasa sesi sidang media yang diadakan mengenai persiapan PLUS menghadapi peningkatan trafik sempena musim perayaan Hari Raya Aidilfitri di Persada PLUS, hari ini. Turut hadir ke sesi ini adalah CP Dato' Sri Muhammed Hasbullah Ali, Pengarah Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik, Polis Diraja Malaysia (PDRM); Ir. Ts. Dr. Nadzrol Fadzilah Ahmad, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM); Tuan Norazlan Ibrahim, Timbalan Pengarah Dasar, Bahagian Penguatkuasa Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Malaysia, serta pihak pengurusan PLUS, PDRM, LLM dan JPJ.

Ikuti Jadual Perjalanan Digital MyPLUS-TTA

Persediaan telah dibuat dengan mengambil kira pola perjalanan dan analisis dapatan daripada musim perayaan terdahulu.

PLUS menyeru orang ramai agar merancang perjalanan pulang ke kampung dan kembali semula ke Lembah Klang berpandukan jadual perjalanan digital MyPLUS-TTA melalui aplikasi PLUS. MyPLUS-TTA boleh diakses bagi perjalanan di Lebuhraya PLUS dan Lebuhraya Pantai-Timur 2 (LPT2) di antara 18 Mac hingga 30 Mac 2026.

Berdasarkan trend perjalanan perayaan lalu dan jangkaan trafik musim perayaan tahun ini, pengguna lebuhraya dijangka mengalami tempoh waktu perjalanan yang lebih panjang semasa musim perayaan sekiranya memulakan perjalanan di luar waktu yang dicadangkan oleh MyPLUS-TTA. Namun, ianya juga bergantung kepada keadaan trafik semasa, insiden atau hal-hal luar jangka.

Oleh itu, PLUS menasihatkan orang ramai supaya merancang dan menyusun jadual perjalanan mereka berdasarkan MyPLUS-TTA untuk pulang ke kampung dan kembali semula ke Lembah Klang selepas bercuti.

Pengaktifan Smart Lane di 34 Lokasi Strategik

Tambah beliau, PLUS akan mengaktifkan laluan Smart Lane di 34 lokasi utama sepanjang Lebuhraya PLUS termasuk dua lokasi baharu yang diaktifkan berbanding cuti Tahun Baharu Cina baru-baru ini. **(Sila rujuk Lampiran Infografik untuk lokasi Smart Lane)**

Pengaktifan Smart Lane boleh dikenal pasti menerusi papan tanda peringatan serta lampu hijau berkelip yang dipasang di lokasi terbabit. Walau bagaimanapun, waktu pengaktifan Smart Lane di lokasi bergantung kepada kesesuaian keadaan trafik semasa.

Beliau turut menasihatkan pengguna agar sentiasa mematuhi arahan lalu lintas dan memandu secara berhemah ketika menggunakan laluan Smart Lane. Pengguna juga diingatkan supaya tidak menyalahgunakan lorong kecemasan di luar waktu operasi dan di luar lokasi pengaktifan Smart Lane demi memastikan keselamatan semua pengguna lebuhraya.

Pembukaan 3km Projek Pelebaran Lorong di Johor mulai 18 Mac hingga 5 April

Bagi membantu menambah kapasiti lorong di zon projek pelebaran Lebuhraya Utara-Selatan di Johor, laluan tambahan ke tiga lorong sepanjang kira-kira 3 kilometer akan dibuka di antara Simpang Renggam ke Sedenak di KM45.1 hingga KM42.5 (Arah Selatan) mulai 18 Mac hingga 5 April. Pembukaan ini juga bertujuan untuk melancarkan perjalanan orang ramai ketika melalui zon projek pelebaran lebuhraya tersebut.

Di samping itu, PLUS juga akan memastikan tiada penutupan lorong di semua laluan lebuhraya termasuk di lokasi Projek Pelebaran Lorong di Johor sepanjang musim perayaan yang akan datang untuk membantu melancarkan lagi perjalanan orang ramai. Namun begitu, pengecualian diberikan bagi kerja-kerja pembaikan kritikal, kecemasan dan pengalihan kemalangan.

6,000 Petugas Bersedia Membantu Untuk Keselesaan Pengguna

Secara keseluruhan, lebih 6,000 petugas dalam ekosistem lebuhraya digerakkan di lokasi terpilih sepanjang lebuhraya merangkumi kakitangan operasi plaza tol, PLUSRonda, LPT2Ronda, Pusat Pemantauan Trafik, Pasukan Bantuan Kecemasan (ERT), anggota RELA dan kakitangan penyelenggaraan bagi memastikan operasi dan penyelenggaraan lebuhraya berjalan dengan lancar.

PLUS turut mempertingkatkan pemantauan trafik secara berterusan dan koordinasi bantuan kepada pengguna melalui Pusat Pemantauan Trafik. Rondaan oleh pasukan PLUSRonda dan LPT2Ronda yang bertugas 24-jam sehari turut ditambah. Petugas-petugas Pasukan Bantuan Kecemasan (ERT) turut bersedia di 9 lokasi-lokasi strategik bagi memberi bantuan kecemasan dan menangani sebarang insiden dengan lebih pantas.

Di samping itu, PLUS turut menggerakkan kakitangan sokongan daripada ibu pejabat, wilayah dan seksyen di kawasan Rehat dan Rawat (R&R) terpilih bagi menyokong pemantauan dan memastikan semua kemudahan berada dalam keadaan baik.

Penambahbaikan Kemudahan Untuk Meningkatkan Keselesaan Pengguna

Dalam aspek keselesaan pengguna, PLUS secara berterusan telah melaksanakan penambahbaikan kemudahan lebih daripada 60 lokasi di kawasan R&R, hentian sebelah dan plaza tol di seluruh rangkaian lebuhrayanya.

Selain itu, sebanyak 25 tandas kabin turut disediakan di plaza tol dan hentian sebelah terpilih bagi meningkatkan keselesaan pengguna sepanjang musim perayaan. Sebagai alternatif, orang ramai juga boleh menggunakan kemudahan tandas dan surau yang turut disediakan di plaza-plaza tol.

Bagi terus meningkatkan keselesaan dan keselamatan pengguna lebuhraya, PLUS telah melaksanakan usaha penambahbaikan infrastruktur pencahayaan jalan secara berperingkat dengan menaik taraf lebih daripada 37,000 lampu jalan konvensional kepada lampu LED.

Selain itu, PLUS turut menyediakan lebih 100 ruang kecemasan (emergency bay) yang ditempatkan di lokasi-lokasi strategik sepanjang lebuh raya. Kemudahan ini berfungsi sebagai ruang kecemasan sekiranya berlaku sebarang insiden atau situasi luar jangka bagi memastikan keselamatan dan kelancaran perjalanan pengguna.

Kolaborasi Bersama Rakan Strategik Keselamatan

PLUS memperkukuh kesiapsiagaan menghadapi musim perayaan menerusi pendekatan pengurusan trafik yang lebih komprehensif dan bersepadu dengan kerjasama LLM, PDRM dan JPJ.

PDRM melalui Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik akan melaksanakan Op Selamat ke-26 sempena Hari Raya Aidilfitri di seluruh negara dengan mempertingkatkan penugasan anggota di lokasi-lokasi kritikal bagi memastikan kelancaran aliran trafik di samping menjalankan penguatkuasaan kesalahan utama lalu lintas.

Dalam masa yang sama, JPJ akan melaksanakan pemantauan dan penguatkuasaan berterusan yang berfokus kepada kenderaan perdagangan dan pengangkutan awam, terutamanya dalam aspek pematuhan spesifikasi, had muatan serta kelayakan pemandu. Pendekatan ini bertujuan memastikan hanya kenderaan yang memenuhi piawaian keselamatan berada di jalan raya, sekali gus mengurangkan risiko insiden yang boleh menjejaskan kelancaran trafik dan risiko kemalangan.

LLM pula memainkan peranan penting dalam penyelarasan serta pemantauan kesiapsiagaan operasi semua lebuh raya dalam negara, termasuk penyelarasan pelan pengurusan trafik musim perayaan dan pengurusan kerja-kerja pembinaan agar tidak menjejaskan aliran trafik secara keseluruhan.

Kerjasama bersepadu antara PLUS, LLM, PDRM dan JPJ ini mempercekapkan penyelarasan maklumat trafik secara masa nyata serta respons yang lebih pantas dan efisien terhadap sebarang insiden di lebuh raya.

Pesanan Keselamatan

Orang ramai dinasihatkan supaya merancang perjalanan lebih awal, mematuhi cadangan waktu perjalanan MyPLUS-TTA, memastikan kenderaan diselenggara dengan baik sebelum memulakan perjalanan dan memandu dengan berhati-hati.

PLUS turut mengingatkan kepada orang ramai supaya mematuhi undang-undang lalu lintas dengan meletakkan kenderaan di ruang parkir yang disediakan apabila berhenti di R&R, plaza tol dan hentian sebelah bagi mengurangkan gangguan kelancaran lalu lintas.

PLUS mengucapkan Selamat hari Raya Aidilfitri kepada semua pengguna yang meraikannya. Kami berharap semua pengguna dapat menikmati pengalaman perjalanan yang selamat dan selesa bagi meraikan sambutan Aidilfitri tahun ini bersama keluarga tersayang dengan penuh kegembiraan.

- TAMAT -

PERTANYAAN MEDIA:

Mashitah Mohd Arshad Pemangku Ketua Komunikasi Korporat PLUS Malaysia Berhad Telefon Bimbit: 013-2097092 Emel: mashitah@plus.com.my	Rofina Adam Pengurus Komunikasi Korporat PLUS Malaysia Berhad Telefon Bimbit: 012-657 4452 Emel: rofina@plus.com.my
---	---